

11/09/1997

Myanmar mungkin tidak sertai Asem

MANILA, Rabu - Myanmar tidak akan menyertai Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) tahun depan, walaupun ia kini menganggotai Asean, kata Setiausaha Luar Filipina, Domingo Siazon, hari ini.

"Kami tidak menjangka Myanmar akan diterima sebelum persidangan Asem di London. Isu itu memang tidak diduga," katanya.

Siazon, pengerusi jawatankuasa tetap Asean, berkata ketidakhadiran Myanmar dalam Asean bukanlah satu masalah bagi badan serantau itu buat masa ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini berkata Asean mungkin memulaukan Asem jika Myanmar dikecualikan.

Asem menemukan beberapa negara Asia, termasuk sebahagian besar anggota Asean, dengan Kesatuan Eropah (EU).

Setiausaha Luar Britain, Robin Cook, dalam lawatannya ke Asia awal bulan ini, berkata London tidak akan mengeluarkan visa kepada pegawai Myanmar yang mungkin mahu menghadiri Asem.

Asean kini dianggotai Malaysia, Brunei, Myanmar, Indonesia, Laos, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Myanmar dan Laos diterima menjadi anggota, Julai lalu.

Amerika Syarikat dan EU sebelum ini membantah sekeras-kerasnya keanggotaan Myanmar disebabkan rekod hak asasi manusianya teruk. - AFP

(END)